



LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

BOARD OF ENGINEERS MALAYSIA

TINGKAT 17, IBU PEJABAT JKR
KOMPLEKS KERJA RAYA MALAYSIA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50580 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Certified to ISO 9001 : 2008
Cert. No. : AR 2227

Ruj. Kami : BEM/ETAD/01 Jld. 3 (16)

Tarikh : 31 Januari 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

PERMOHONAN LAWATAN AKREDITASI PROGRAM TEKNOLOGI KEJURUTERAAN 4 TAHUN SELEPAS STPM DENGAN MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (ETAC), LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

Perkara di atas adalah dengan hormatnya dirujuk.

2. Sukacita kami menarik perhatian tuan/puan, terhadap seksyen dibawah berdasarkan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015) –

Restriction on unregistered persons -

7(2)(aa) an Engineering Technologist who is registered with the Board may, subject to section 8, take up employment which requires him to perform professional engineering services;

Registration of Engineering Technologist -

10C(1) A person who holds any qualification which is recognized by the Board shall be entitled on application to be registered as an Engineering Technologist.

3. Sehubungan dengan itu, Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia yang menawarkan program ijazah teknologi kejuruteraan diingatkan agar memohon pengiktirafan melalui ETAC supaya lepasan program teknologi kejuruteraan layak berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia sebagai Teknologis Kejuruteraan dan boleh memberi perkhidmatan kejuruteraan secara sah di negara ini.

4. Sila ambil perhatian terhadap perkara – perkara berikut :

- a. Menghantar permohonan akreditasi berserta cadangan tarikh lawatan ke Jabatan Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAD), Kelana Jaya selewat-lewatnya pada **14 Februari 2020**.
- b. Menghantar dokumen SAR ke Jabatan Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAD), Kelana Jaya selewat-lewatnya tiga bulan sebelum dari tarikh lawatan.
- c. Penghantaran dokumen SAR ke ETAD, akan menggunakan sistem penghantaran SAR secara *online*. Justeru itu, mohon pihak tuan/puan bagi menghantar dokumen SAR melalui pautan ini: <https://eac.org.my/online/public/>
- d. Dokumen SAR mestilah berpandukan garis panduan yang dinyatakan di dalam **Engineering Technology Programme Accreditation Standard 2019**.
- e. Permohonan perlanjutan akreditasi (*continuing accreditation*) perlu mengemukakan *Self Assessment Report & Supplementary Report* (bukti penambahbaikan yang telah dibuat).
- f. **Pembayaran fi akreditasi perlu dijelaskan sebulan sebelum lawatan akreditasi diadakan**. Sila kemukakan bayaran atas nama LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA – ETAC (No. Akaun : 3193267804 - Public Bank).
- g. Pembayaran fi bagi Sijil Akreditasi akan dibilkan setelah Lembaga Jurutera membuat keputusan pengiktirafan program kejuruteraan.

Ruj. Kami : BEM/ETAD/01 Jld. 3 (16)
Tarikh : 31 Januari 2020


PERMOHONAN LAWATAN AKREDITASI PROGRAM TEKNOLOGI KEJURUTERAAN 4 TAHUN SELEPAS STPM DENGAN MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (ETAC), LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

5. Surat Keputusan Akreditasi dan paparan keputusan akreditasi di laman sesawang ETAC akan ditangguhkan bagi mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang masih mempunyai hutang tertunggak.
6. Untuk makluman '*Accreditation Decision Meeting*' dijadualkan 3 kali setahun iaitu pada bulan Mac/April, Julai/Ogos dan November/Disember.
7. Untuk maklumat lanjut sila hubungi pegawai berikut di talian 03-7804 9776 –
 - Puan Norharniza Mohd Noor & Puan Nor Hasniza Amiruddin berkaitan lawatan akreditasi.
 - Puan Faizah Mahat berkaitan pembayaran & fi akreditasi.

Kerjasama dan perhatian tuan/puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



(Ir. HIZAMUL-DIN BIN AB. RAHMAN)

Pendaftar

LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

Hizamul-Din